

Z-Rider

Penambahbaikan Polisi Motosikal

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum Anda membeli Polisi Motor Insurans. Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)

1. Apakah ciri produk ini?

Motor Insurans ini memberikan perlindungan insurans terhadap liabiliti kepada kecederaan atau kematian, kerosakan harta pihak lain, dan kemalangan bukan disengajakan atau kerosakan akibat kebakaran terhadap Motosikal Anda atau kecurian terhadap Motosikal Anda.

2. Apakah jenis perlindungan / manfaat yang diberikan?

- a. Kecederaan badan dan kematian pihak ketiga
- b. Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga
- c. Kerugian atau kerosakan terhadap Motosikal Anda akibat kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan

Pilihan perlindungan tambahan yang boleh anda beli dengan membuat premium tambahan:

- a. Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh
- b. Kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekacauan awam
- c. Asas kemalangan

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Polisi kontrak untuk senarai penuh bagi perlindungan tambahan yang terdapat di bawah Polisi ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web Kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

Nota:

- Di bawah undang-undang Republik Singapura, adalah satu kesalahan jika memasuki negaranya tanpa perlindungan tambahan di dalam Insurans Motor bagi melindungi liabiliti penumpang kenderaan.
- Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans Anda secara tahunan.

3. Di mana Saya boleh mendapatkan Nilai Pasaran yang sesuai untuk Motosikal Saya?

Pangkalan Data Penilaian Kenderaan ISM ABI.

4. Apakah nilai yang dipersetujui (Agreed Value)?

Nilai yang dipersetujui adalah jumlah yang diinsuranskan ke atas Motosikal Anda yang dipersetujui antara Kami dan Anda. Sekiranya berlaku kecurian atau kerosakan teruk yang tidak boleh diperbaiki, Kami akan membayar sewajarnya seperti Jumlah Amaun Diinsuranskan. (Tertakluk kepada terma dan syarat.)

5. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans:

Contoh: Pengiraan premium

Jumlah Yang Diinsuranskan: RM3,000.00

Keupayaan Enjin: 125 cc

Premium asas	:	RM	187.80
Kelayakan NCD 0%	:	RM	<u>0.00</u>
Premium bersih	:	RM	187.80
Perlindungan tambahan (All Rider)	:	RM	<u>93.90</u>
Premium kasar	:	RM	281.70
Cukai 8%	:	RM	22.54
Duti Setem	:	RM	<u>10.00</u>
Jumlah premium	:	RM	<u><u>314.24</u></u>

Jumlah Jangkaan Keseluruhan Premium yang perlu dibayar: **RM314.24**

6. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Jenis	Jumlah
Komisen dibayar kepada agen insurans (jika ada)	10% daripada premium kasar <i>Contoh: Premium Kasar: RM281.70 x 10% komisen = RM28.17</i>
Peruntukan Cukai	8% daripada premium kasar
Duti Setem	RM10.00

7. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang Saya harus ketahui?

- **Keputusan Pendedahan** – Anda mestilah menyatakan kesemua fakta penting seperti sejarah kemalangan dan pengubahsuaian enjin Motosikal.
- **Keputusan Menyimpan Resit** – Adalah penting untuk menerima sesalanan resit daripada Kami dan sila simpan resit ini sebagai bukti pembayaran premium.
- **Kontrak Insurans Pengguna** – Menurut Perenggan 5 dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika Anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- **Kontrak Insurans Komersial** – Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika Anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Sekiranya Anda salah memberi maklumat kepada Kami sebelum Polisi dimulakan, contoh tindakan yang mungkin diambil oleh Kami terhadap Anda termasuk perkara berikut:
 - mengisytiharkan Polisi Anda tidak sah dari permulaan (yang bermaksud menganggapnya sebagai tidak sah), dan Kami mungkin tidak akan mengembalikan sebarang premium;
 - membatalkan Polisi ini dan mengembalikan apa-apa premium dengan menolak caj pembatalan Kami atau mendapatkan semula sebarang premium yang belum dibayar;
 - mendapatkan semula sebarang kekurangan dalam premium;
 - tidak membayar apa-apa tuntutan yang telah atau akan dibuat di bawah Polisi; atau
 - berhak untuk mendapatkan semula daripada Anda jumlah tuntutan yang telah dibayar di bawah Polisi atau apa-apa tuntutan yang perlu Kami bayar disebabkan mana-mana undang-undang lalu lintas jalan yang berkaitan, termasuk apa-apa kos pengambilan semula.
- Anda mesti memastikan bahawa Motosikal Anda dilindungi pada jumlah yang mengikut Nilai Pasaran.
- Polisi Motor akan membayar mengikut Nilai Pasaran atau Amaun Diinsuranskan pada masa kerugian yang mana yang lebih rendah.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** – Bayaran premium mesti dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Perlindungan insurans ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik jika syarat ini tidak dipatuhi.
- **Pembatalan** - Kami boleh memberikan notis bertulis empat belas (14) hari tentang hasrat Kami untuk menamatkan Polisi ini melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Anda yang diketahui, Pada masa yang sama, Anda boleh, pada bila-bila masa membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari.
- **Prosedur Tuntutan** – Anda perlu memberikan notis bertulis kepada Kami dalam masa empat belas (14) hari selepas berlaku Kejadian.
- **Bengkel Yang Dibenarkan** – Anda mesti menghantar Motosikal Anda ke Bengkel Pembaikan Kami untuk dibaiki.
- **Had Wilayah** – Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Untuk terma dan syarat umum yang lain, sila rujuk kepada www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Polisi Kontrak Anda untuk terma dan syarat di bawah Polisi ini.

8. Apakah pengecualian utama yang tertakluk dalam Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Kematian Anda atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan kenderaan;
- Liabiliti Anda terhadap tuntutan daripada pembonceng di bawa kenderaan Anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku akibat Kejadian alam semulajadi seperti banjir, ribut taufan atau tanah runtuh;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat aktiviti haram dan di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- Kerugian, kerosakan akibat Penipuan atau Jenayah Pecah Amanah.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Polisi untuk senarai penuh.

9. Bolehkah Saya membatalkan Polisi Insurans Saya?

Anda boleh pada bila-bila masa membatalkan Polisi Insurans Anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami serta mengembalikan Salinan Asal Sijil Insurans (CI) / Pengisytiharan Undang-undang sekiranya Sijil Individu hilang.

Selepas pembatalan, Anda layak mendapat pemulangan premium berasaskan keadaan berikut:

- Secara asas pro-rata jika Polisi Motosikal telah diperbaharui secara berterusan dengan Kami.
- Secara Asas Jangka Pendek jika Polisi Motosikal Anda baru diinsuranskan dengan Kami, untuk tempoh kurang daripada 12 bulan.

Tiada pemulangan premium:

- Jika premium minimum dibayar.
- Jika terdapat tuntutan dibuat ke atas Polisi.

10. Apakah yang perlu Saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi Saya?

Anda boleh mengemaskini butiran Anda di Portal Pelanggan Zurich di myzurichlife.com.my atau memaklumkan pihak Kami tentang sebarang perubahan mengenai butiran peribadi Anda untuk memastikan semua maklumat dapat disampaikan kepada Anda tepat pada masanya.

11. Di manakah Saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk, sila hubungi kami atau ejen-ejen kami. Anda boleh menghubungi Kami di:

Khidmat Pelanggan

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23 A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 603-2109 6000

E-mel: callcentre@zurich.com.my

12. Jenis perlindungan lain yang boleh didapati?

Sila rujuk kepada laman web kami di www.zurich.com.my.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI PASARAN YANG SESUAI KERANA IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN ANDA. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA ADALAH DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPRESIF DAN ANDA TIDAK MELAKUKAN KESALAHAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURAN ANDA. ANDA MESTILAH MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS ANDA UNTUK SEBARANG MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

Informasi yang disediakan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah sah pada 01 Mac 2024 sehingga semakan semula dilakukan.

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pusat Panggilan: 1-300-888-622 Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

www.zurich.com.my

